

**TABIAT DAN MINAT MEMBACA DI KALANGAN PELAJAR  
TINGKATAN EMPAT DI SMK HULU KELANG, GOMBAK, SELANGOR  
PADA TAHUN 2010**

**Tiew Wai Sin**

Sekolah Menengah Kebangsaan Hulu Kelang,  
Km 7, Jalan Hulu Kelang, 68000 Ampang  
wstiew@hotmail.com

**ABSTRAK**

*Kajian ini meninjau tabiat dan minat membaca para pelajar tingkatan empat SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor dengan menggunakan kaedah soal selidik. Data telah diperolehi daripada 69 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai kumpulan, kaum dan umur. Kajian ini mendapati 27 (39.13%) pelajar menghabiskan satu hingga dua jam sehari untuk membaca dan bagi 28 orang pelajar (40.58%), bahan bacaan yang paling digemari ialah bahan dari internet. Pelajar-pelajar membeli bahan bacaan dengan wang mereka sendiri (42.03%) dan tujuan utama mereka membaca adalah untuk memenuhi masa lapang (30.43%), manakala bahasa bahan bacaan yang dipilih oleh kebanyakan pelajar adalah bahan bacaan berbahasa Melayu (47.83%). Kajian ini mendapati pendorong utama yang menggalakkan pelajar untuk membaca ialah pelajar itu sendiri (52.17%). Seterusnya, 97.10% pelajar berpendapat membaca merupakan aktiviti yang penting dan berfaedah manakala 57.97% pelajar bersetuju bahawa Program Nilam, satu program membaca peringkat kebangsaan yang dikendalikan oleh pihak sekolah, telah berjaya menyemaikan tabiat membaca dalam kalangan pelajar.*

**ABSTRACT**

*Using the survey methodology, this study explores the reading habits and interests of form four students from SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor. The results of the study revealed that 27 students (39.13%) spent one to two hours reading daily. The main source of reading material for 28 students (40.58%) is from the Internet. About 42.03% of the students buy the reading materials themselves and they primarily read for leisure (30.43%). A total of 47.83% read in the Malay language. The students themselves (52.17%) are their motivators for reading. The students (97.10%) are aware of the importance of reading and 57.97% agreed that the Nilam Programme, a nationwide reading programme run by the school, had succeeded in inculcating the reading habit in them.*

*Tiew Wai Sin*

**Kata kunci :** Membaca; Tabiat membaca; Minat membaca; Pelajar sekolah menengah

### **PENGENALAN**

Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pernah menegaskan, amalan dan tabiat membaca amat penting sebagai asas untuk memperoleh ilmu pengetahuan demi menjayakan pembelajaran sepanjang hayat. Melalui pembacaan, seseorang itu bukan sahaja memperoleh ilmu pengetahuan tetapi juga mempelajari selok-belok penulisan dan penghasilan sesebuah buku. Pembacaan juga dapat memperkukuh kemahiran berkomunikasi seseorang untuk menyampaikan idea masing-masing kepada orang lain. Melalui pembacaan, seseorang itu dapat mempertajam daya tanggapannya menerusi kemahiran menganalisis dan seterusnya membolehkan seseorang itu lebih memahami perkara-perkara yang kompleks untuk menyelesaikan kerumitan hidup serta meramalkan kejadian yang akan datang dan akan berlaku (*The Star*, 31.1.2010).

Pembudayaan tabiat membaca dalam kehidupan seseorang bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan bermaklumat, bukan merupakan satu tugas yang mudah. Setiap orang secara fitrahnya akan terdorong untuk membaca sesuatu pernyataan yang dilihat tidak kira dalam bentuk media elektronik ataupun media cetak. Dengan membaca, seseorang itu dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi menambahkan pengetahuan am tentang dunia dan kehidupan dan seterusnya menjadi warga yang berilmu dan berketerampilan seperti yang diharapkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Budaya membaca sememangnya memainkan peranan yang penting dalam memajukan sesuatu masyarakat atau negara kerana melalui membaca, pemikiran atau minda masyarakat akan berubah dan seterusnya mempengaruhi pembangunan sesebuah negara dan bangsa. Bangsa yang bertamadun merupakan bangsa yang mengamalkan budaya membaca. Budaya suka membaca merupakan keadaan wujudnya sebuah masyarakat yang mencapai suatu tahap amalan dan minat membaca sejati yang mendalam. Budaya suka membaca ini juga mewujudkan golongan masyarakat yang bersepadu mental dan fizikal, maju dan matang dalam semua aspek seperti kehendak Wawasan 2020.

Lord Bacon, seorang ahli falsafah Inggeris pernah berkata "*reading maketh a full man*" yang membawa maksud membaca menjadikan seseorang itu berisi. Justeru, insan yang membaca itu ialah manusia yang berilmu dan berupaya berfikir secara kritis, rasional dan mengamalkan gaya pemikiran terbuka. Insan yang rajin dan suka

***Tabiat dan Minat Membaca Dikalangan Pelajar Tingkatan Empat  
di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor Pada Tahun 2010***

membaca ialah seorang yang berbudaya tinggi dan mampu memimpin mereka yang lain ke arah kehidupan yang lebih baik bukan sahaja bagi diri dan keluarganya malahan masyarakat di mana ia dilahirkan (Alimuddin Mohd Dom, 2009).

Menyedari hakikat dan kepentingan budaya membaca ini, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Teknologi Pendidikan telah melaksanakan pelbagai program galakan membaca di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia untuk memupuk tabiat membaca. Namun demikian didapati semua program tersebut masih belum mencapai tahap yang dikehendaki. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah berusaha mencari pendekatan baharu bagi melaksanakan program galakan membaca yang lebih berkesan dan dapat dijalankan secara berterusan di sekolah-sekolah di seluruh negara (Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1998). Hasilnya, program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) telah diperkenalkan pada tahun 1998 melalui Pekeliling Iktisas Bil.13/1998 (22 Mei 1998). Program NILAM merupakan penggabungan kesemua aktiviti galakan membaca yang pernah dijalankan di sekolah dengan memberikan pengiktirafan yang sesuai. Matlamat program NILAM adalah untuk membina tabiat membaca dikalangan murid-murid sekolah dengan menjadikan mereka banyak membaca serta menggalakkan sekolah-sekolah terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca. Dengan itu, keinginan dalam jiwa pelajar untuk terus membaca dan mencapai keseronokan daripada bahan yang dibaca dapat dilahirkan.

Tabiat membaca dikalangan rakyat Malaysia masih belum mencapai tahap yang membanggakan seperti dapatan pelbagai kajian mengenai tabiat membaca (Atan Long, 1984; Frank Small and Associates, 1998; Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2002; Perpustakaan Negara Malaysia, 2006). Misalnya, Laporan Kualiti Hidup Malaysia 2002 terbitan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menunjukkan kadar literasi bagi tahun 2002 adalah sebanyak 93.8% rakyat Malaysia membaca secara purata hanya dua buah buku setahun. Laporan ini turut memaparkan bilangan murid sekolah rendah dalam lingkungan umur 7 hingga 9 tahun yang boleh membaca adalah sebanyak 96% dan hanya 73% daripadanya mengamalkannya. Kajian turut mendapati jenis bahan yang diakses adalah bahan bacaan ringan seperti surat khabar (79%), buku (52%), majalah (47%) dan komik (32%). Antara penyebab murid tidak membaca adalah kerana tidak berminat dan tidak mempunyai masa lapang. Profil Membaca Rakyat Malaysia 2005 melaporkan kadar literasi untuk mereka yang berumur 10 tahun dan lebih ialah 92% berbanding 93% pada tahun 1996. Antara penyebab yang diberikan ialah mereka lebih berminat kepada aktiviti lain (60.4%), tiada masa lapang (15.2%) dan tidak berminat untuk membaca (13.5%) (Perpustakaan Negara Malaysia, 2007).

*Tiew Wai Sin*

Rumusannya, amalan membaca merupakan agenda penting dalam merealisasikan budaya ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat seperti yang diharap-harapkan dalam Wawasan 2020. Dengan itu, masyarakat yang intelektual, berfikiran kreatif dan kreatif serta dinamis dapat dilahirkan. Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia telahpun menganjurkan pelbagai kempen dan gerakan budaya membaca di semua peringkat persekolahan sejajar dengan dengan pepatah Melayu yang mengatakan "melentur buluh biarlah dari rebungnya" (Abdul Razak Ahmad dan Shaharom TM Sulaiman, 2005). Menurut Laporan Status Pelaksanaan Program Nilam 2009 SMK Hulu Kelang, dikalangan pelajaranya, 411 pelajar hanya membaca sebanyak 6,584 buah buku sahaja. Ini bermaksud purata bilangan buku yang dibaca oleh setiap pelajar SMK Hulu Kelang pada tahun 2009 ialah sebanyak 16 buah buku. Namun demikian, dari segi pencapaian tahap "jauhari" agak tidak begitu memberangsangkan kerana hanya sebanyak sembilan orang pelajar (2.2%) daripada 411 orang pelajar telah mencapai tahap "jauhari". Daripada bilangan tersebut, tujuh orang pelajar mencapai tahap pengiktirafan "gangsa" manakala dua orang pelajar mendapat tahap pengiktirafan "emas".

#### **DEFINASI KONSEP**

- a) Membaca - Memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahamkan makna kandungannya (*Kamus Dewan*, ed. 4, 2005).
- b) Minat - Keinginan, kesukaan atau kecenderungan kepada sesuatu (*Kamus Dewan*, ed. 4, 2005)
- c) Pelajar - Orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya (*Kamus Dewan*, ed. 4, 2005).
- d) Tabiat - Satu tingkah laku yang sering dilakukan oleh seseorang, hampir tanpa berfikir, terutama sekali sesuatu yang sukar ditinggalkan; kebiasaan. (Hornsby, 2000)

#### **TUJUAN KAJIAN**

Masalah kekurangan minat membaca bukan sahaja dapat dikesan dikalangan orang dewasa semata-mata, tetapi juga dikalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Budaya membaca juga amat rendah dikalangan pelajar sekolah menengah hari ini. Ramai pelajar tidak gemar membaca walau pun mereka menyedari kurang minat membaca akan menjejaskan pembelajaran di sekolah. Kegiatan membaca dikalangan pelajar hanya berlaku apabila ada keperluan terutamanya untuk mengambil peperiksaan, membuat tugas, atau melaksanakan sesuatu tugas yang memerlukan aktiviti membaca. Memandangkan betapa pentingnya tabiat membaca dikalangan pelajar, penyelidik telah menjalankan kajian untuk meninjau sejauh manakah tabiat

*Tabiat dan Minat Membaca Dikalangan Pelajar Tingkatan Empat  
di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor Pada Tahun 2010*

dan minat membaca di kalangan pelajar Tingkatan Empat di SMK Hulu Kelang, Ampang, Selangor Darul Ehsan.

**SOALAN KAJIAN**

Berlandaskan tujuan kajian di atas, kajian ini akan cuba menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

1. Apakah jumlah masa yang diperuntukkan untuk membaca?
2. Apakah jenis bahan bacaan yang paling di gemari?
3. Dari manakah sumber bahan bacaan di perolehi?
4. Apakah tujuan utama membaca?
5. Apakah bahasa bahan bacaan?
6. Siapakah yang menggalakkan pelajar membaca?
7. Adakah membaca merupakan aktiviti yang penting dan berfaedah kepada pelajar?
8. Adakah Program Nilam telah mendorong untuk membaca?

**TINJAUAN LITERATUR**

Kajian tentang profil, tabiat dan minat membaca di Malaysia telah banyak dijalankan antaranya mengenai penduduk Malaysia, (Atan Long et al., 1984; Frank Small and Associates, 1998; Perpustakaan Negara Malaysia, 2006; Perpustakaan Negara Malaysia, 2007), penduduk negeri (Katni Kamsono Kibat, 1995; Institut Kajian Pembangunan Sabah, 1992), golongan pendidik (Mahzan Arshad, 2004), golongan profesional, eksekutif dan pengurus di bandar (Ong, 1997), murid sekolah rendah (Gengatharan a/l Das, 1999), orang Melayu di luar bandar (Katni Kamsono Kibat, 1976, 1978), golongan mahasiswa-mahasiswi di institusi pengajian tinggi (Szarina Abdullah, 1991; Zanaria Saupi Udin, 1999; Choung, 2000; Nor Shahriza Abdul Karim, 2006), orang dewasa Iban yang celik huruf di luar bandar Sarawak (Doris Elaine Hess, 1963), golongan guru pelatih Melayu (Khoo, 1982), dan guru-guru undang-undang, pelajar undang-undang, pengamal undang-undang dan hakim-hakim (Norchaya Haji Talib dan Azmi Sharom, 1995). Namun demikian, tinjauan literatur ini hanya memberikan tumpuan pada kajian mengenai tabiat dan minat membaca yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah menengah sama ada di dalam atau di luar negara.

Seawal tahun 1974, Lim Teh Eng telah menjalankan penyelidikan mengenai tabiat membaca dan minat pelajar-pelajar Tingkatan Enam daripada aliran bahasa Inggeris. Kajiannya mendapati para pelajar memang membaca secara tetap selepas waktu persekolahan tetapi hanya terbatas kepada buku teks sekolah. Dari segi kegemaran, bahan membaca kategori bukan buku teks dan bahan buku fiksiyen didapati lebih

### *Tiew Wai Sin*

disukai berbanding dengan bahan fiksiyen. Berdasarkan kajian Lim juga, tujuan utama membaca adalah untuk memperoleh ilmu pengetahuan atau untuk tujuan pembelajaran. Majoriti pelajar lebih suka membaca bahan dalam bahasa Inggeris berbanding bahan bahasa Melayu. Sebanyak 56.07% pelajar membaca antara satu hingga tiga jam sehari dan sumber utama bahan membaca diperolehi dari perpustakaan sekolah (40.00%). Tujuan utama membaca adalah untuk spesifik (35.34%).

Seterusnya, Zainab Awang Ngah (1977) pula telah menjalankan penyelidikan mengenai tabiat dan minat membaca pelajar-pelajar yang berumur antara 14 hingga 15 tahun di dua buah sekolah komprehensif di Cardiff, Wales, United Kingdom. Hasil kajiannya mendapati pelajar-pelajar perempuan lebih suka membaca buku dan majalah daripada pelajar-pelajar lelaki. Selain itu, kajiannya juga mendapati kebanyakan pelajar merupakan "*light readers*" atau "*moderate readers*" dan mereka sering membaca satu hingga empat buah buku sahaja. Selanjutnya, Mohamad bin Haron (1982) pula telah membuat tinjauan mengenai kegemaran membaca dikalangan pelajar-pelajar di sebuah sekolah menengah di bandar Tampin dengan melihat kekerapan mereka membaca, isi kandungan bahan membaca dan sebab mereka memilih isi kandungan bahan tersebut. Kajiannya mendapati 84.8% pelajar sering membaca buku teks sekolah dan 62.8% buku pelajaran tambahan. Tujuan utama membaca buku teks sekolah dan buku pelajaran tambahan adalah untuk membantu mendapat kelulusan yang baik dalam peperiksaan. Mereka juga membaca untuk mendapat pengetahuan am melalui buku-buku bacaan lain, majalah dan akhbar manakala komik turut dibaca untuk tujuan hiburan. Dari segi isi kandungan, bahan membaca yang paling digemari ialah sains kerana mereka bercita-cita menceburi bidang ini apabila mereka dewasa kelak. Selain itu, kajiannya juga mendapati pelajar lelaki kurang membaca berbanding dengan pelajar perempuan di samping faktor pendapatan penjaga, turut mempengaruhi kekerapan membaca pelajar-pelajar.

Bdewi (1993) pula telah menjalankan satu kajian mengenai tabiat membaca dan minat pelajar sekolah menengah di Tripoli, Libya yang melibatkan 1279 pelajar. Berdasarkan kajiannya, didapati 58.2% pelajar membaca satu hingga jam atau lebih sehari. Kebanyakan sumber bahan membaca mereka pula diperolehi atau dipinjamkan sesama mereka (42.80%) dan bukannya dari perpustakaan sekolah masing-masing. Tujuan utama membaca adalah untuk memperoleh pengetahuan am (42.3%). Kajiannya juga mendapati pelajar-pelajar akan lebih berminat untuk membaca sekiranya mereka mempunyai ibu bapa yang mempunyai tabiat membaca yang tinggi.

***Tabiat dan Minat Membaca Dikalangan Pelajar Tingkatan Empat  
di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor Pada Tahun 2010***

Seterusnya, Abd. Wahab Bin Mat (1995) pula melakukan penyelidikan mengenai minat membaca dikalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Seberang Perai. Seramai 270 orang pelajar telah dipilih secara rawak dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam. Kajian ini tertumpu di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Irshad, satu-satunya SMKA di Seberang Perai bagi tujuan menghuraikan dan memberikan gambaran yang jelas tentang faktor-faktor yang mempengaruhi minat membaca buku, majalah dan akhbar. Sebagai sebuah SMKA yang selalu mendapat keputusan peperiksaan kebangsaan yang cemerlang, faktor pendapatan penjaga, jantina, umur, lokasi tempat tinggal pelajar dan kemudahan sumber bahan bacaan mempengaruhi minat membaca dikalangan mereka. Dapatan kajian daripada analisis ujian t dan ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pendapatan penjaga dengan minat membaca. Perbezaan yang signifikan juga wujud antara umur dengan minat membaca majalah dan minat membaca akhbar. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan minat membaca majalah. Juga terdapat perbezaan yang signifikan antara kemudahan mendapatkan akhbar dengan minat membaca akhbar. Keputusan kajian menunjukkan, 87.0% daripada pelajar membaca akhbar dan berita yang paling diminati ialah berita utama. Peratus membaca buku ialah 98.9% dan buku cerita adalah yang paling diminati. Peratus membaca majalah ialah 93.0% dengan majalah *Dewan Siswa* sebagai majalah yang paling digemari. Sebanyak 76.3% daripada pelajar meletakkan ibu bapa sebagai orang yang menggalakkan mereka untuk membaca.

Gnanapragasam (1998) telah menjalankan satu kajian kes mengenai tabiat membaca dan minat 100 orang pelajar Tingkatan Peralihan dan pelajar-pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 yang berumur 13 hingga 18 tahun di Sekolah Menengah Seri Puteri, Ipoh. Kajiannya mendapati pelajar selalu membaca di luar waktu persekolahan tetapi pembacaan lebih bertumpu kepada buku teks sekolah. Tujuan membaca pula adalah untuk pengetahuan/pembelajaran. Beliau juga mendapati peratus tertinggi bagi pembacaan bahan fiksyen adalah kerana pelaksanaan program NILAM yang dikendalikan oleh Pusat Sumber Sekolah. Kajiannya juga mendapati pelajar lebih suka membaca bahan dalam bahasa Melayu berbanding dengan bahan bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain.

Pada tahun 1999, Zalena Abdul Razak pula telah melaksanakan kajian mengenai tabiat membaca di kalangan remaja luar bandar yang melibatkan pelajar-pelajar Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 di kawasan Linggi dan Rantau, Negeri Sembilan. Kajiannya tertumpu kepada jenis bahan bacaan dan isi kandungan yang digemari oleh pelajar, kekerapan membaca, tujuan membaca, sumber-sumber bahan bacaan

### *Tiew Wai Sin*

diperoleh dan keutamaan dalam pemilihan bahasa bahan bacaan. Beliau mendapati bahan bacaan yang paling kerap dibaca ialah suratkhbar (65.7%) manakala bahan yang paling disukai ialah buku cerita terutamanya cerita seram yang menakutkan (24%). Tujuan utama para pelajar membaca adalah untuk memenuhi masa lapang dan bahasa bahan bacaan yang dipilih ialah bahasa ibunda masing-masing. Kajian ini juga mendapati para guru paling mempengaruhi tabiat membaca pelajar-pelajar (73.3%). Lebih kurang 90.3% pelajar mengatakan aktiviti membaca banyak faedahnya terutamanya dapat menambah ilmu pengetahuan.

Selanjutnya, Rajanthran (2000) telah menjalankan kajian perbandingan terhadap masalah tabiat membaca dan minat pelajar sekolah luar bandar dan bandar di Kuala Lumpur dan Johor. Kajiannya mendapati kebanyakan pelajar bandar sudah ada tabiat dan minat membaca berbanding dengan pelajar luar bandar. Menurut beliau, antara penyebab yang mempengaruhi tabiat dan minat membaca ialah lokasi rumah, persekitaran rumah dan status sosioekonomi pelajar. Pelajar-pelajar yang berasal daripada keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang lebih baik didapati lebih membaca berbanding dengan mereka yang mempunyai status sosioekonomi yang lebih rendah. Pandian (2000) pula telah membuat tinjauan mengenai tabiat membaca dikalangan pelajar-pelajar Malaysia yang berbeza dari segi etnik dan bahasa. Kajiannya mendapati pembentukan minat membaca dalam kalangan pelajar dipengaruhi oleh sejumlah faktor seperti penjaga atau ibu bapa, jantina, kemudahan sumber bahan bacaan dan pihak sekolah. Setiap faktor berperanan mempromosi perkembangan minat pembaca. Ambigapathy turut mengulas kajian yang dilakukan oleh *The Star* pada 8 Mei 1997 tentang masa yang digunakan oleh pemuda untuk aktiviti-aktiviti harian. Kebanyakan daripada mereka meluangkan masa 14.6 jam untuk program TV, 4.1 jam untuk komputer, 16.3 jam untuk radio, 7.11 jam untuk suratkhbar dan 4.7 jam sahaja untuk buku dan komik. Hal ini menunjukkan bahan visual telah menjadi pengganti bahan bercetak, pendedahan kepada bahan multimedia dan komputer mempengaruhi tabiat membaca dikalangan pelajar.

Abeyrathna (2004) telah menjalankan kajian ke atas tabiat dan minat membaca dikalangan pelajar sekolah menengah di Sri Lanka. Kajiannya mendapati kebanyakan pelajar membaca untuk menduduki peperiksaan dan bahan bacaan yang paling digemari adalah berkaitan dengan akademik. Sebanyak 53% pelajar menggunakan lebih kurang satu hingga dua jam sehari untuk membaca. Hanya 11% responden meluangkan masa lebih daripada tiga jam sehari untuk membaca dan yang lain menggunakan masa kurang dari satu jam untuk membaca. Padlon Abdul Rahman (2004) telah menjalankan penyelidikan di lima buah sekolah di sekitar

*Tabiat dan Minat Membaca Dikalangan Pelajar Tingkatan Empat  
di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor Pada Tahun 2010*

Wilayah Persekutuan untuk melihat dan mengenalpasti peranan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dalam usaha mempromosikan gerakan tabiat membaca di bawah program NILAM. Kajiannya mendapati 84.3% responden berpendapat PSS adalah tempat paling sesuai untuk menjalankan aktiviti membaca. Mereka juga bersetuju bahawa program NILAM telah berjaya menyemai minat dan mendorong mereka membaca. Bahan bacaan yang paling diminati ialah komik/suratkhabar/majallah dan lain-lain (53.3%) manakala punca sumber bahan bacaan ialah dibeli sendiri (46.6%). Selain daripada itu, 54% menggunakan masa lapang untuk menjalankan aktiviti membaca.

Pada tahun 2004, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil inisiatif melaksanakan satu kajian bagi menilai secara menyeluruh proses pelaksanaan dan tahap pencapaian matlamat program NILAM. Kajian ini adalah penting kepada semua pihak dalam merancang dan melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan Program NILAM. Skop kajian keberkesanan program NILAM ini melibatkan lima persoalan utama tetapi bagi tujuan penulisan kertas kerja ini, hanya persoalan sejauh manakah program NILAM menggalakkan tabiat membaca menjadi tumpuan perbincangan. Persoalan ini juga mengkaji pandangan guru pelaksana dan murid di sekolah rendah dan menengah. Kajian tersebut telah dijalankan oleh Wan Zah Wan AH et al. (2005). Kajian deskriptif ini menggunakan kaedah tinjauan dan data dikumpul menggunakan soal selidik dan temu bual separa berstruktur yang bertujuan untuk menilai pencapaian objektif, status pelaksanaan dan input sokongan kepada Program NILAM khususnya persoalan tentang kefahaman, proses pelaksanaan, kekangan, cara mengatasi cabaran dan cadangan penambahbaikan. Secara keseluruhannya, pelajar sekolah menengah bersetuju bahawa Program NILAM mempunyai kesan yang positif terhadap tabiat membaca mereka tetapi adalah lebih rendah sedikit berbanding dengan pelajar sekolah rendah. Ini adalah kerana pelajar sekolah menengah lebih memberikan tumpuan kepada bahan akademik bagi menghadapi dua peperiksaan yang penting iaitu PMR dan SPM. Secara amnya, kajian-kajian lalu menunjukkan tabiat dan minat membaca dikalangan rakyat Malaysia khususnya pelajar-pelajar sekolah menengah masih belum mencapai tahap yang membanggakan. Oleh itu, penyelidik terpanggil untuk mengkaji sejauh manakah tabiat dan minat membaca dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat di SMK Hulu Kelang, Ampang, Selangor Darul Ehsan.

#### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan jawapan bagi soalan-soalan kajian di atas. Instrumen kajian telah diolah oleh pengkaji dengan mengambil kira dan meneliti soal selidik yang telah digunapakai oleh pengkaji-

*Tiew Wai Sin*

pengkaji sebelumnya. Pelajar-pelajar Tingkatan Empat pada tahun 2010 di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor adalah sampel untuk menjawab soal selidik yang diedarkan. Soal selidik ini telah diedarkan pada 11 Februari 2010 dan dijawab oleh semua pelajar Tingkatan Empat SMK Hulu Kelang yang hadir pada hari itu. Sebanyak 69 sampel telah digunakan bagi mendapatkan data yang diperlukan dimana 39 orang (56.52%) adalah pelajar lelaki dan 30 orang (43.48%) pelajar perempuan. Usia sampel adalah diantara 16 tahun hingga 17 tahun. Pelajar aliran sains adalah sebanyak 73.91% dan 26.09% adalah pelajar aliran Sastera. Taburan bangsa pula menunjukkan kaum Melayu paling banyak (39.13%), diikuti dengan kaum India (27.54%), kaum Cina (20.29%) dan kaum-kaum lain (13.04%). Data yang diperolehi telah dianalisa dalam bentuk statistik untuk menjana kekerapan dan peratus.

#### **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini telah cuba menjawab lapan persoalan mengenai tabiat dan minat membaca dikalangan pelajar Tingkatan Empat di SMK Hulu Kelang pada tahun 2010.

##### 1. Jumlah masa yang diperuntukkan untuk membaca

Jadual 1 menunjukkan jumlah masa yang diperuntukkan oleh para pelajar untuk membaca dalam tempoh sehari. Kajian ini mendapati sebilangan besar para pelajar membaca selama satu hingga dua jam sehari iaitu 39.13% diikuti dengan mereka yang membaca kurang daripada satu jam sehari sebanyak 24.64% manakala yang membaca tiga jam ke atas sehari pula sebanyak 18.84%. Kajian ini juga mendapati sebanyak 12 orang pelajar (17.39%) tidak melakukan apa-apa pembacaan.

Jadual 1 : Jumlah masa yang diperuntukkan untuk membaca (n=69)

Jumlah masa membaca	Kekerapan pembaca (%)
3 jam ke atas sehari	13 (18.84%)
1 -2 jam sehari	27 (39.13%)
Kurang daripada 1 jam sehari	17 (24.64%)
Tiada	12 (17.39%)
Jumlah	69 (100.00%)

##### 2. Jenis bahan bacaan yang paling digemari

Jadual 2 menunjukkan taburan jenis bahan bacaan yang paling digemari oleh para pelajar dalam kajian ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa para pelajar di SMK Hulu Kelang memilih bahan dari internet (40.58%) sebagai jenis bahan bacaan

***Tabiat dan Minat Membaca Dikalangan Pelajar Tingkatan Empat  
di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor Pada Tahun 2010***

yang paling digemari dan kerap dibaca oleh mereka. Seramai 20.29% pula menggemari buku cerita/novel, diikuti 13.04% memilih suratkhbar dan komik, 7.25% menggemari majalah manakala hanya 5.80% menggemari buku teks/buku rujukan akademik.

Jadual 2 : Jenis bahan bacaan yang paling digemari (n=69)

Jenis bahan bacaan	Kekerapan (%)
Buku cerita / novel	14 (20.29%)
Majalah	5 (7.25%)
Suratkhabar	9 (13.04%)
Komik	9 (13.04%)
Buku teks / buku rujukan akademik	4 (5.80%)
Laman web /Internet	28 (40.58%)
Jumlah	69 (100.00%)

### 3. Sumber bahan bacaan

Jadual 3 menunjukkan data empirikal tentang sumber bahan bacaan. Sumber yang paling kerap diperolehi ialah melalui pembelian dengan wang sendiri iaitu 42.03%. Sumber yang paling sedikit ialah bahan yang diperolehi daripada perpustakaan awam dan pusat sumber sekolah iaitu 2.90%. Sementara itu, pelajar kerap menggunakan bahan bacaan dari Internet iaitu 37.68% manakala sebanyak 11.59% meminjam bahan bacaan daripada kawan-kawan dan 2.90% lain-lain sumber bahan bacaan.

Jadual 3 : Sumber bahan bacaan diperolehi(n=69)

Sumber bahan bacaan diperolehi	Kekerapan (%)
Perpustakaan awam	2 (2.90%)
Pusat Sumber Sekolah	2 (2.90%)
Pinjam daripada kawan	8 (11.59%)
Hadiah	0 (0%)
Beli dengan wang sendiri	29 (42.03%)
Internet	26 (37.68%)
Lain-lain	2 (2.90%)
Jumlah	69 (100.00%)

### 4. Tujuan membaca

### *Tiew Wai Sin*

Jadual 4 menunjukkan para pelajar membaca untuk semua tujuan yang dinyatakan. Para pelajar paling banyak membaca untuk memenuhi masa lapang (30.43%) manakala 2.90% melakukan pembacaan atas sebab-sebab lain antaranya kerana dipaksa oleh ibu bapa.

Jadual 4 : Tujuan membaca (n=69)

Tujuan membaca	Kekerapan (%)
Memenuhi masa lapang	21 (30.43%)
Menghiburkan hati	18 (26.09%)
Mendapat maklumat tertentu	13 (18.84%)
Mengulang kaji pelajaran untuk peperiksaan	15 (21.74%)
Sebab-sebab lain	2 (2.90%)
Jumlah	69 (100.00%)

### 5. Bahasa bahan bacaan

Jadual 5 menunjukkan bahasa bahan bacaan yang menjadi pilihan para pelajar untuk aktiviti membaca. Kajian ini mendapati sebilangan besar para pelajar memilih bahan bacaan dalam bahasa Melayu (47.83%) diikuti bacaan bacaan berbahasa Inggeris (44.93%), bahan bacaan bahasa Cina (5.80%) dan bahasa Tamil (1.45%).

Jadual 5 : Bahasa bahan bacaan (n=69)

Bahasa	Kekerapan (%)
Bahasa Melayu	33 (47.83%)
Bahasa Inggeris	31 (44.93%)
Bahasa Cina	4 (5.80%)
Bahasa Tamil	1 (1.45%)
Lain-lain bahasa	0 (0%)
Jumlah	69 (100.01%)

### 6. Pendorong utama yang memberikan galakan untuk membaca (n=69)

Jadual 6 menunjukkan pendorong utama yang memberikan galakan untuk membaca kepada para pelajar ialah diri sendiri (52.17%). Seterusnya, sebanyak 34.78% menyatakan ibu bapa dan ahli keluarga mendorong mereka untuk membaca diikuti dengan kawan-kawan (8.70%) dan guru-guru (4.35%).

***Tabiat dan Minat Membaca Dikalangan Pelajar Tingkatan Empat  
di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor Pada Tahun 2010***

Jadual 6 : Pendorong utama yang memberikan galakan untuk membaca (n=69)

Pendorong	Kekerapan (%)
Kawan-kawan	6 (8.70%)
Guru-guru	3 (4.35%)
Ibu bapa dan ahli keluarga	24 (34.78%)
Diri sendiri	36 (52.17%)
Jumlah	69 (100.00%)

7. Kepentingan dan faedah membaca

Jadual 7 merujuk kepada pendapat pelajar mengenai kepentingan dan faedah membaca. Hampir majoriti pelajar (97.10%) bersetuju bahawa membaca merupakan aktiviti yang penting dan berfaedah bagi diri mereka manakala hanya 2.90% menyatakan aktiviti membaca tidak penting dan tidak berfaedah.

Jadual 7 : Kepentingan dan faedah membaca (n=69)

Kepentingan dan faedah membaca	Kekerapan (%)
Setuju	67 (97.10%)
Tidak setuju	2 (2.90%)
Jumlah	69 (100.00%)

8. Pendapat sama ada Program Nilam SMKHK menjadi pendorong

Jadual 8 menjawab persoalan sama ada Program Nilam SMKHK telah memberikan dorongan kepada pelajar untuk membaca. Sebanyak 57.97% pelajar berpendapat Program Nilam SMKHK telah berjaya mendorong mereka untuk membaca manakala 42.03% menyatakan sebaliknya.

Jadual 7 : Pendapat sama ada Program Nilam SMKHK menjadi pendorong (n=69)

Program Nilam SMKHK pendorong membaca	Kekerapan (%)
Ya	40 (57.97%)
Tidak	29 (42.03%)
Jumlah	69 (100.00%)

*Tiew Wai Sin*

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tabiat dan minat membaca para pelajar Tingkatan Empat SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor. Data yang diperoleh daripada 69 orang pelajar Tingkatan Empat SMK Hulu Kelang yang terdiri daripada pelbagai kumpulan, kaum dan umur telah digunakan bagi menjawab lapan soalan utama kajian ini.

Dapatan yang pertama menjawab soalan pertama kajian ini iaitu jumlah masa yang diperuntukkan untuk membaca. Kajian ini mendapati 27 (39.13%) pelajar Tingkatan Empat SMK Hulu Kelang menghabiskan satu hingga dua jam sehari untuk aktiviti membaca. Dapatan ini tidak banyak berbeza dengan hasil dapatan kajian Lim Teh Eng (1974), Bdewi (1993) dan Abeyrathna (2004) yang mendapati para pelajar menggunakan lebih kurang satu hingga tiga jam sehari untuk membaca.

Seterusnya, dapatan kedua mengenai jenis bahan bacaan yang paling digemari oleh pelajar mendapati bahan dari internet merupakan bahan bacaan yang paling digemari iaitu sebanyak 28 orang pelajar (40.58%). Dapatan ini tidak memeranjatkan kerana usaha-usaha kerajaan khususnya melalui Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menyediakan pelbagai prasarana dan kemudahan Internet di sekolah-sekolah telah menampakkan hasil. Para pelajar sekarang banyak yang celik komputer dan tidak hairanlah mereka beranjak ke dunia teknologi maklumat untuk mendapatkan sumber maklumat dan sumber bahan bacaan yang mudah dan cepat diperoleh sama ada secara percuma atau berbayar.

Seterusnya, kajian ini juga mendapati pelajar-pelajar Tingkatan Empat SMK Hulu Kelang membeli bahan bacaan dengan wang sendiri (42.03%) seperti hasil kajian yang diperolehi oleh Padlon Abdul Rahman (2004) yang mendapati 46.6% sampel kajiannya memperolehi bahan bacaan dengan membeli bahan itu sendiri. Hal ini menunjukkan para pelajar Tingkatan Empat SMK Hulu Kelang tidak keberatan untuk menggunakan wang saku mereka bagi tujuan membeli bahan bacaan yang disukai.

Kajian ini juga mendapati tujuan utama pelajar-pelajar Tingkatan Empat SMK Hulu Kelang membaca adalah untuk memenuhi masa lapang (30.43%). Dengan itu, bolehlah diandaikan yang pelajar SMK Hulu Kelang pandai mengurus masa sehingga mereka berjaya meluangkan masa untuk melakukan aktiviti membaca selepas waktu persekolahan. Dapatan ini adalah sama seperti dapatan kajian Zalena Abdul Razak (1999). Di samping itu, kajian ini menunjukkan bahan bacaan yang dipilih oleh kebanyakan pelajar adalah bahan bacaan berbahasa Melayu (47.83%)

***Tabiat dan Minat Membaca Dikalangan Pelajar Tingkatan Empat  
di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor Pada Tahun 2010***

iaitu hampir sama dengan kajian Gnanapragasam (1998). Tetapi, dapatan ini tidak menghairankan kerana daripada 69 pelajar, lebih daripada 35 pelajar berbangsa Melayu dan Indonesia.

Kajian ini mendapati pendorong utama yang mengalakkan para pelajar untuk membaca ialah pelajar itu sendiri (52.17%) berbanding dengan hasil kajian Abd. Wahab bin Mat (1995) yang mengenalpasti ibu bapa sebagai pendorong pelajar untuk membaca. Kajian ini juga menunjukkan 97.10% pelajar berpendapat membaca merupakan aktiviti yang penting dan berfaedah seperti hasil dapatan kajian Padlon Abdul Rahman (2004). Sebanyak 57.97% sampel kajian bersetuju bahawa Program Nilam yang dijalankan oleh SMK Hulu Kelang telah berjaya menyemaikan tabiat membaca dikalangan pelajar seperti hasil kajian Padlon Abdul Rahman (2004) dan Wan Zah Wan AH (2004).

#### **KESIMPULAN**

Budaya membaca dikalangan pelajar harus dipupuk untuk membentuk masyarakat yang berpengetahuan, kaya ilmu dan maklumat. Tahap pembacaan pelajar masih lagi rendah dan perlu dipupuk serta dipertingkatkan. Kajian ini mendapati 17.39% pelajar Tingkatan Empat di SMK Hulu Kelang 2010 tidak langsung meluangkan masa dalam sehari untuk membaca manakala 24.64% pelajar hanya menghabiskan kurang daripada satu jam sehari untuk aktiviti membaca. Oleh itu, pelbagai aktiviti atau program yang berkesan dan menarik harus dirancang dan dilaksanakan oleh pihak sekolah. Program Nilam adalah antara program yang boleh menggalakkan para pelajar membaca. Program ini menggerakkan dan menyedarkan para pelajar untuk menjadikan membaca budaya hidup. Hal ini terbukti apabila majoriti pelajar (57.97%) berpendapat Program Nilam telah berjaya menyemaikan tabiat membaca dalam diri mereka. Selain daripada itu, majoriti pelajar (97.10%) menyedari kepentingan dan faedah membaca. Dengan membudayakan amalan membaca, budaya mementingkan ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat seperti yang diharapkan dalam Wawasan 2020 dapat direalisasikan. Masyarakat Malaysia yang intelek, berfikiran kritis, kreatif dan dinamis dapat dilahirkan.

#### **Penghargaan**

Sekalung terima kasih saya ucapkan kepada Pengetua SMK Hulu Kelang, Puan Rihan bt Mohd. Salleh yang membenarkan saya keluar untuk membuat kajian. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Penolong Kanan Tingkatan Enam, Puan Shamshul Mardiyah bt Bahrum yang memantau proses kajian ini dan seterusnya menyunting rencana ini. Akhir sekali kepada Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti Malaya, Dr. Nor Edzan bt Che Nasir yang telah memberi kerjasama sehingga terhasilnya rencana kajian ini.

*Tiew Wai Sin*

## **RUJUKAN**

- Abdul Razak Ahmad dan Shaharom TM Sulaiman. (2005). Penghayatan budaya membaca di sekolah, dalam: Abdul Razak Ahmad dan Shaharom TM Sulaiman., *Buku dan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Yayasan Istana Abdul Aziz dan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Wahab bin Mat. (1995). *Hubungan minat membaca di kalangan pelajar-pelajar SMKA di Seberang Perai dengan latar belakang keluarga dan persekitaran*. Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.
- Abeyrathna, P. H. A. S. (2004). *A study on leisure reading habits and interests among secondary school students in Sri Lanka*. Dissertation (M.L.I.S.), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya.
- Alimuddin bin Hj. Mohd. Dom, Tan Sri Dato' Hj., (2009) *Ucapan Perasmian Majlis Anugerah NILAM Kebangsaan 2009*, 14 Julai 2009, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Atan Long et al. 1984. *A survey on reading habits and interests of Malaysian people*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bdewi, Mustafa Mohamed. 1994. *A study of reading habits and interests among secondary school students in Tripoli, Libya*. Dissertation (M. Ed.), Faculty of Education, University of Malaya.
- Choung, Hui Ming. (1999/2000). *Kaji selidik minat dan tabiat membaca buku di kalangan siswa-siswi Universiti Malaya*. Academic exercise (B.A.), Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Frank Small and Associates. 1998. *Reading profile of Malaysians 1996*. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.
- Gengatharan a/l Das. 1999. *A study of factors affecting the reading habits and reading interests in English of Year Five pupils in selected schools in Penang*. Dissertation MA Universiti Sains Malaysia.
- Gnanapragasam, Agnes. 1998. *Reading habits And interests among secondary school students : A case study on students at SM. Seri Puteri, Ipoh*. Dissertation (M.Mgmt.), Fakulti Perniagaan dan Perakunan, Universiti Malaya.

***Tabiat dan Minat Membaca Dikalangan Pelajar Tingkatan Empat  
di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor Pada Tahun 2010***

- Hess, Doris Elaine. 1963. *Reading motives, interests and habits of rural adult Iban literates in Sarawak [microform] : a study of aid in production of printed media.* Dissertation (Ph.D.), Syracuse University.
- Hornby, A. S. 2000. *Oxford Fajar Advanced Learner's English Malay Dictionary.* Kuala Lumpur : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Institut Kajian Pembangunan Sabah. 1992. *Kaji selidik tabiat/minat membaca di Sabah Kota Kinabalu :* Institut Kajian Pembangunan (Sabah) dan Perpustakaan Negeri Sabah.
- Kamus Dewan.* Ed. 4. 2005. Ampang, Ulu Kelang : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katni Kamsono Kibat. 1976. *Reading habits and interests of the rural Malays : a study of printed media exposure in determining the types of reading materials to be provided for rural readers.* Dissertation (M. Sc. (Lib), University of Pittsburgh).
- Katni Kamsono Kibat. 1978. *Reading habits and interests of the rural Malays : a methodological study of printed media exposure in the rural areas of Selangor, Malaysia.* Dissertation (Ph.D.), University of Pittsburgh.
- Katni Kamsono Kibat. 1995. Kajian tabiat dan minat membaca di Negeri Terengganu Darul Iman. Kertaskerja yang dibentang dalam *Konvensyen Penerbitan Kebangsaan*, 4-6 Dis 1995, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. Bahagian Teknologi Pendidikan. 1998. *Program NILAM: Konsep dan panduan pelaksanaan di sekolah.* Kuala Lumpur: Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khoo, Hoo Neo. 1982. *A study of the reading habits and interests of Malay teacher-trainees.* Dissertation (M.A.), National University of Singapore.
- Lim, Teh Eng. 1974. *A study of the reading habits and interests of sixth-form students in English medium schools, and their use of the school library facilities.* Dissertation (M.Ed.), Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

***Tiew Wai Sin***

- Mahzan Arshad. 2004. Kajian terhadap minat membaca di kalangan pendidik. *Jurnal Pendidikan* 2004.
- Norchaya Haji Talib dan Azmi Sharom. 1995. Reading interests of law teachers, law students, legal practitioners/lawyers and judges. *Seminar Pembacaan Kebangsaan*, 20-21 June 1995, Kuala Lumpur .
- Nor Shahriza Abdul Karim. 2006. Reading habits and attitude in Malaysia: Analysis of gender and academic programme differences. *Kekal Abadi*, Vol. 25, no. 1/2: 16-24.
- Ong, Pooi Fong. 1997. *A study on the reading habits and interests of urban working professionals, executives and managers*. Dissertation (M.B.A), Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.
- Padlon Abdul Rahman. (2004). *Peranan PSS dalam mempromosi gerakan tabiat membaca di bawah Program NILAM*. Dissertation (M.L.I.S.), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya.
- Pandian, Ambigapathy. 2000. A Study on Readership Behaviour among Multi-Ethnic, Multi-Lingual Malaysian Students. *Seventh International Literacy and Education Research Network (LERN) Conference on Learning*, RMIT University, Melbourne, 5-9 July 2000.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2007. *Profil membaca rakyat Malaysia 2005*. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2006. *The reading profile of Malaysians 2006*. (Kajian yang belum diterbitkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia).
- Subashini K. Rajanthran. 2000. *A comparative study of reading habits and interest of teenagers in an urban and rural school*. Dissertation (M.E.S.L.), Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Szarina Adullah. 1991. Tabiat dan minat membaca di kalangan siswa-siswi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Menilai Pencapaian Penyelidikan IRPA dalam Rancangan Malaysia Kelima (Sains Sosial)*, 25-26 Nov 1991, Sintok, Kedah Darulaman.

***Tabiat dan Minat Membaca Dikalangan Pelajar Tingkatan Empat  
di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor Pada Tahun 2010***

*The STAR*, 31 January 2010, E6 New Feature Education.

Jabatan Perdana Menteri. Unit Perancang Ekonomi, 2002. *Laporan Kualiti Hidup Malaysia 2002*. Putrajaya : Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Wan Zah Wan AH. et al. (2005). Kesan Program NILAM terhadap tabiat membaca menurut pandangan murid dan guru. *Jurnal Pendidikan 2005*, 39-55.

Zainab Awang Ngah. 1997. "*Leisure reading habits and interests of adolescents between the ages of fourteen and fifteen, from two comprehensive schools in Cardiff*". Dissertation (M.A.), University College, Cardiff, Wales.

Zalena Haji Abdul Razak. 1999. *Tabiat membaca di kalangan remaja luar bandar : satu kajian terhadap pelajar tingkatan 2 dan tingkatan 4 di kawasan Linggi dan Rantau, Negeri Sembilan*. Dissertation (M.Mgmt.), Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.

Zanaria Saupi Udin. 1999. *A study of leisure reading habits and interests among students in Malaysian higher-learning institutions*. Dissertation (M.L.I.S.), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya.